

Meningkat Profesionalisme dalam Pematuhan Penilaian Aset



© Penerbit UTHM
Terbitan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat

Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman

Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita

MyREI - Prof. Madya Sr. Dr. Abdul Jalil bin Omar,
Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan,
Cik Emy Syafiqah Nadia binti Mohd Hamidi |
TRANSFORM - Dr. Zahrul Akmal bin Damin |
Cik Nor Azila binti Nor Azaman |
MyRIVET - En. Ahmad Khirul Nizam bin Ali |
RMC - En. Mohd Faiq bin Azhar |
ICRC - Dr. Nurul Nadia binti Adnan |
I²E - Cik Maizatulazrina binti Yaakob |
iSWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol |
ICC - En. Mohd Raimi bin A. Samat |
Pejabat Penerbit - Pn. Sarena binti Kadeni,
Pn. Aida Maryani binti Abd Wahab,
Cik Nurilmiyah binti Ahmad, Cik Nurhuda binti A Malik.

Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-09

Aktiviti MyREI

10-11

Aktiviti TRANSFORM

12-13

Aktiviti MyRIVET

14-15

Aktiviti RMC

16-17

Aktiviti ICRC

18-19

Aktiviti I²E

20-21

Aktiviti iSWAJ

22-23

Aktiviti ICC

24-25

Aktiviti Pejabat Penerbit

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel sarena@uthm.edu.my

Sekilas Pandang

Assalamualaikumwarahmatullah dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, dengan izinNya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah portfolio TNCPi kerana telah berjaya menerbitkan Buletin Bitara Bil. 1/2026.

UTHM di bawah MyREI telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan kajian bertajuk “Penentuan Kaedah Penilaian dan Pengukuran Aset Harta Tanah Warisan Bagi Kerajaan Persekutuan Malaysia”. Kajian ini telah dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di bawah Kementerian Kewangan bagi menentukan nilai aset warisan daripada pelbagai sudut, termasuk aspek ekonomi, budaya, sejarah, sosial dan estetik.

Mutakhir ini, agensi seperti Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) menghadapi kesulitan dalam menilai aset warisan yang dikategorikan dalam bentuk aset alih dan aset tidak alih, khususnya dalam penentuan nilai di dalam perakaunan kerajaan. Penilaian aset warisan ini juga memerlukan kepakaran daripada agensi-agensi berkaitan. Antaranya ialah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang bertindak sebagai badan penilai aset kerajaan, serta Jabatan Warisan Negara (JWN), Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Alam Sekitar, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mencadangkan penyelesaian kepada isu ketidakselarasan kaedah pengukuran dan penilaian aset warisan dalam konteks harta tanah warisan di Malaysia. Kajian ini telah menghasilkan satu kerangka baharu bagi mewujudkan satu garis panduan penilaian harta tanah warisan yang selari dengan keperluan piawaian semasa sektor awam. Justeru, bukti-bukti empirikal yang menunjukkan bahawa aset warisan budaya menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara wajar digembleng. Contohnya di Greece dan negara-negara lain seperti Itali, Sepanyol, United Kingdom (UK), Jepun, China, Korea Selatan dan India turut memanfaatkan aset warisan mereka untuk merangsang ekonomi tempatan, menggalakkan keusahawanan, serta menyokong keterangkuman sosial.

Tahun 2026 dijangka menjadi tahun yang mencabar buat kita, justeru pendekatan yang lebih strategik dan bersepadu amat diperlukan dalam memastikan kelestarian serta pemerkasaan aset harta tanah warisan negara terus terpelihara. Dalam era ketidaktentuan ekonomi global, tekanan terhadap sumber kewangan kerajaan serta perubahan landskap pembangunan bandar menuntut agar aset warisan tidak lagi dilihat sebagai liabiliti, sebaliknya sebagai pemangkin kepada penjanaan nilai ekonomi dan sosial yang mampan.

**PROF. Madya Dr. Indera Syahrul bin
Mat Radzuan**
Pengarah
Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Kursus *Valuation for Securities Commission (SC): Compliance, Reporting & Best Practices*

8 Jan 2026 - Kursus “Valuation for Securities Commission (SC): Compliance, Reporting & Best Practices” merupakan kursus intensif sehari yang dianjurkan oleh MyREI bagi meningkatkan kefahaman dan kecekapan profesional dalam bidang penilaian harta tanah, khususnya yang melibatkan keperluan dan garis panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Program ini merupakan sebahagian daripada siri *Specialised Property Valuation* dan telah mendapat pengiktirafan 5 mata CPD daripada Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH).

Program ini menghimpunkan pakar industri, penilai berdaftar, serta pengamal sektor harta tanah dan kewangan bagi membincangkan isu pematuan, ketelusan, serta amalan terbaik dalam penyediaan laporan penilaian untuk tujuan korporat seperti Tawaran Awam Permulaan (IPO), Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), penggabungan dan pengambilalihan, serta pelupusan aset. Antara penceramah yang terlibat ialah Sr Ahmad Azam Abdul Jalal (Suruhanjaya Sekuriti), Sr Tun Ahmad Nasrullah Zulkifli (IM Global Property Consultants Sdn Bhd), Sr Anuar Husin (First Pacific Valuers Property Consultants Sdn Bhd), En. Jeevan Muniandy (BidMy Asset) dan Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar (UTHM).

Ia telah diadakan di Pulse Grande Hotel, Putrajaya pada 8 Januari 2026 yang lalu. Ia telah dihadiri oleh seramai 96 orang peserta yang terdiri daripada para profesional dan pengamal industri penilaian. Program ini dianjurkan dengan objektif utama untuk:

- Memberi pendedahan kepada peserta mengenai keperluan dan jangkaan Suruhanjaya Sekuriti terhadap laporan penilaian.
- Meningkatkan kefahaman terhadap penggunaan kaedah penilaian seperti kaedah perbandingan pasaran, pendapatan dan kos dalam konteks transaksi korporat.
- Memastikan penyediaan laporan penilaian mematuhi piawaian seperti Malaysian Valuation Standards (MVS) dan International Valuation Standards (IVS).
- Mengenal pasti isu pematuan, jurang pendedahan serta aspek etika profesional.
- Mengaplikasikan amalan terbaik dalam memastikan ketelusan dan integriti laporan penilaian.



Program ini dilaksanakan melalui beberapa sesi utama yang merangkumi pembentangan pakar, perkongsian industri, kajian kes dan sesi perbincangan panel.

- Sesi 1 memberi fokus kepada rangka kerja regulatori serta peranan Suruhanjaya Sekuriti dalam tadbir urus penilaian. Peserta didedahkan kepada keperluan undang-undang dan garis panduan seperti *Guidelines on Asset Valuation* (GAV).
- Sesi 2 membincangkan secara mendalam piawaian penilaian, pendekatan dan kaedah yang sesuai bagi pelbagai kelas aset, termasuk keperluan pendedahan dalam laporan penilaian.
- Sesi Perkongsian Industri mengetengahkan perspektif baharu berkaitan ekonomi aset loji dan jentera, termasuk konsep ekonomi kitaran (circular economy) dalam pengurusan aset industri.



- Sesi 3 memberi penekanan kepada penilaian dalam konteks REIT, termasuk jurang persepsi antara pelabur dan penilai, isu etika serta pertimbangan ESG dalam penilaian.
- Sesi 4 melibatkan perbincangan panel yang membincangkan isu sebenar dalam amalan penilaian berkaitan SC serta sesi soal jawab bersama peserta.

Kursus ini telah memberikan impak yang signifikan kepada peserta, khususnya:

- Peningkatan kefahaman terhadap keperluan pematuhan dalam penilaian harta tanah bagi tujuan korporat.
- Pengukuhan keupayaan dalam menyediakan laporan penilaian yang telus, tepat dan boleh dipertahankan.
- Pendedahan kepada isu sebenar industri serta pendekatan penyelesaian berasaskan kajian kes.
- Pengukuhan jaringan profesional antara akademik dan industri.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dengan penyampaian kandungan yang relevan dan berimpak tinggi. Penganjuran program sebegini wajar diteruskan bagi memastikan profesional dalam bidang harta tanah sentiasa peka terhadap perubahan regulatori, piawaian serta kehendak pasaran semasa. Program ini juga berjaya memperkukuh peranan MyREI sebagai pusat rujukan dan latihan dalam bidang harta tanah di Malaysia, selaras dengan aspirasi universiti untuk menjadikan UTHM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi yang berteraskan TVET dan berasaskan industri.



Pembentangan berkenaan Kerjasama menjalankan Seminar di antara MyREI dengan Majlis Bandaraya Seremban



9 Jan 2026 - Suatu sesi pembentangan telah diadakan oleh ahli MyREI bersama dengan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) yang telah diadakan di Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi membincangkan penganjuran Seminar Pembangunan Strata 2026 di Negeri Sembilan. Pembentangan telah dilaksanakan oleh Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar dan pihak MBS telah diwakili oleh Puan Sr. Fatin Hamizah binti Shaari, Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan dan En. Mohd Fadhli Farhad bin Mohd Fuzi, Penolong Pegawai Penilaian serta kakitangan MBS. Perbincangan ini telah memberi kefahaman yang lebih jelas di antara kedua-dua pihak berhubung penganjuran seminar yang bakal dianjurkan pada suku kedua tahun 2026.

Bual Bicara Bersama Industri: *From Listing to Sold: The Complete Real Estate Marketing Journey*

14 Jan 2026 - MyREI telah menganjurkan satu program akademik bertajuk "From Listing to Sold: The Complete Real Estate Marketing Journey" melalui kursus BPE 33403 *Real Estate Marketing & Agency*. Program yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari di Auditorium Al-Jazari, PTTA, UTHM ini menampilkan dua penceramah jemputan iaitu En. Shahrill Azuan bin Abdul Razak, Pengarah dan Perunding Harta Tanah daripada ESP Properties, serta En. Terrance Yeo. Penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perjalanan lengkap pemasaran harta tanah daripada peringkat penyenaraian sehingga proses jualan, sekali gus memperkukuh kefahaman mereka terhadap amalan sebenar industri.



Simposium Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan Staf Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)

29 Jan 2026 - Simposium Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta anjuran Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah berlangsung pada 29 Januari 2026 di Bayview Hotel Penang dengan pengisian yang komprehensif berkaitan isu-isu strategik dalam bidang penilaian dan pengurusan harta. Program ini turut menampilkan perkongsian ilmu daripada Datuk Seri PMgr Sr Kamaruzzaman Saleh, mantan Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), yang membincangkan pelbagai topik termasuk *Integrated Property & Facility Management* (IPFM), penajaan pendapatan melalui sewaan, penilaian harta tanah khas, pengurusan dan tunggakan cukai, Sub-MC serta *tax banding*. Program susulan pada tahun 2026 juga dirangka dalam usaha membantu PBT di seluruh Malaysia, dengan fokus khusus kepada pelaksanaan *Integrated Property & Facility Management* (IPFM) secara lebih menyeluruh dan mampan.



Program 'Kick Start 2026: Time to Execute, No More Excuses, Let's Go'

31 Jan 2026 - Seramai 44 orang mahasiswa Tahun 3 dan 4 Program Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah telah menyertai Program 'Kick Start 2026: Time to Execute, No More Excuses, Let's Go' yang berlangsung di Seminar Hall JB, Setia Tropika, Johor Bahru. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) dan Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dengan kerjasama ESP Properties Sdn. Bhd. Penganjuran program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan dunia kerjaya serta memperkukuh kefahaman terhadap keperluan dan cabaran industri hartanah semasa. Program ini telah diselaras oleh Sr. Zarina Binti Shamsudin dan berjaya dilaksanakan dengan sokongan penuh pihak industri. Sebagai tanda komitmen terhadap pembangunan pelajar, ESP Properties Sdn. Bhd. turut menaja kemudahan pengangkutan bas bagi memudahkan pergerakan pelajar ke lokasi program.



Lawatan ke Majlis Perbandaran Kluang (MPK)

28 Jan 2026 - MyREI, UTHM telah menganjurkan satu Lawatan Periksa ke Tapak Pembangunan Tanah UTHM di Bandar Primer Kluang pada 28 Januari 2026, bermula jam 9.30 pagi. Lawatan ini bertujuan untuk menilai serta memahami potensi tapak bagi pembangunan kampus UTHM yang lestari pada masa hadapan di Kluang, Johor. Kehadiran wakil felo institut adalah penting bagi menyokong perancangan strategik dan pembangunan institusi secara menyeluruh.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen UTHM dalam merancang pembangunan kampus yang berdaya saing, mampan dan selari dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.



Lawatan wakil Actsugi Technologies Sdn. Bhd. ke MyREI



12 Feb 2026 - MyREI, UTHM telah menerima kunjungan industri daripada Ms. Rachael Lum, wakil dari Actsugi Technologies Sdn. Bhd. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan kerjasama antara pihak akademik dan industri, khususnya dalam bidang teknologi dan inovasi yang berkaitan dengan sektor harta tanah. Sepanjang lawatan, sesi perbincangan telah diadakan bagi meneroka potensi kolaborasi strategik meliputi aspek penyelidikan, pembangunan teknologi, serta peluang latihan industri kepada pelajar. Perkongsian pandangan turut memberi fokus kepada penggunaan teknologi dalam meningkatkan kecekapan pengurusan harta tanah dan pembangunan mampan selaras dengan keperluan industri semasa. Lawatan ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada kerjasama yang lebih erat antara MyREI dan Actsugi Technologies Sdn. Bhd., sekali gus membuka ruang kepada pelaksanaan inisiatif bersama yang berimpak tinggi kepada pembangunan ilmu dan industri harta tanah di Malaysia.



Webinar Adakah Aku Bersedia Untuk Bersara?

3 Mac 2026 - Webinar bertajuk “Adakah Aku Bersedia Untuk Bersara?” telah diadakan melalui platform Google Meet dengan menampilkan Dr. Mohd Taib Ismail, seorang Shariah *Registered Financial Planner* sebagai penceramah jemputan. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan perancangan kewangan yang sistematik dan komprehensif sebagai persediaan menghadapi fasa persaraan.

Seramai 351 orang peserta yang terdiri daripada staf UTHM dan orang awam telah menyertai webinar ini, menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan terhadap topik perancangan kewangan dan persediaan persaraan.

Perkongsian memberi penekanan kepada aspek perancangan aliran tunai selepas persaraan, penilaian tahap kesediaan kewangan, serta strategi mengelakkan kesilapan kritikal dalam perancangan persaraan. Selain itu, peserta turut didedahkan kepada kepentingan perubahan tingkah laku kewangan seperti mengawal gaya hidup, mengutamakan aset yang menjana pendapatan, memantau nilai bersih (aset dan liabiliti) secara berkala, serta mengamalkan prinsip melabur secara konsisten. Program ini telah dikendalikan oleh moderator, Prof. Madya Dr. Abdul Jalil Omar, yang turut memudahcara sesi soal jawab secara interaktif bersama peserta. Secara keseluruhannya, program ini memberi kesedaran bahawa persaraan merupakan satu fasa kehidupan yang memerlukan perancangan awal, disiplin kewangan dan strategi yang berkesan bagi menjamin kestabilan kewangan jangka panjang.



Pembentangan Laporan Akhir Memorial Tun Abdul Razak (MTAR) bersama *Think City Sdn. Bhd.*



Sesi Fotografi Hari Raya Aidilfitri 2026

13 Mac 2026 - Satu sesi fotografi sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2026 telah diadakan dengan penglibatan seluruh warga MyREI. Sesi ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan kakitangan. Kehadiran staf MyREI dalam mengenakan busana Hari Raya yang menarik telah menyerlahkan suasana harmoni dan muhibah dalam organisasi



Taklimat Geran Kajian Jangka Pendek Kementerian Ekonomi Tahun 2026



18 Mac 2026 - Taklimat Program Kajian Jangka Pendek (KJP) Tahun 2026 anjuran MyREI dengan kerjasama Unit Pengurusan Penyelidikan, Kementerian Ekonomi Malaysia telah diadakan pada 18 Mac 2026 secara dalam talian melalui Google Meet. Sesi taklimat ini disampaikan oleh En. Ibnu Affan Bin Jaafar, Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Bahagian Industri Pembuatan, Sains Dan Teknologi (Bipst), Kementerian Ekonomi.

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada peserta berkaitan garis panduan permohonan, skop kajian serta aspek kewangan bagi pelaksanaan kajian.

Taklimat menekankan bahawa cadangan kajian perlu selari dengan hala tuju nasional di bawah RMK13 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dengan skop merangkumi analisis sosioekonomi, penilaian dasar serta pembangunan pelan tindakan. Tempoh maksimum kajian ditetapkan selama sembilan (9) bulan tanpa lanjutan.

Selain itu, siling geran yang diperuntukkan adalah sehingga RM500,000 bagi setiap kajian. Aspek kewangan turut menekankan pematuan kepada peraturan institusi, pengurusan perbelanjaan secara berhemah, serta keperluan memulangkan baki peruntukan kepada Kerajaan Malaysia.

Secara keseluruhannya, taklimat ini memberi panduan yang jelas kepada peserta dalam menyediakan permohonan kajian yang berkualiti, berfokus dan selari dengan keutamaan pembangunan negara.



Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Pelan Pembangunan Dasar Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi

9 Dis 2025 - Pengarah TRANSFORM, UTHM iaitu Dr. Zahrul Akmal bin Damir telah menghadiri Bengkel Pembangunan Pelan Tindakan Pelan Pembangunan Dasar Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah diadakan di Le Méridien Putrajaya.

Bengkel ini dianjurkan bagi membincangkan serta merangka pelan tindakan yang komprehensif berkaitan pembangunan dasar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi. Penyertaan Pengarah TRANSFORM, UTHM dalam bengkel ini adalah bagi mewakili Universiti dan menyumbang pandangan serta input strategik dalam usaha memperkukuh perancangan pembangunan sektor pendidikan tinggi selaras dengan hala tuju RMK-13.



Program Inspirasi Masa Hadapan: Lawatan Pendidikan Anak Warga Ikwass ke UTHM

8 Jan 2026 - Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) dan Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), UTHM telah berjaya menganjurkan Program Inspirasi Masa Hadapan: Lawatan Pendidikan Anak Warga IKWAS.

Program ini telah melibatkan seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada anak-anak serta ibu bapa dalam kalangan warga IKWAS sebagai kumpulan sasaran utama. Penganjuran program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada para peserta mengenai suasana dan realiti kehidupan di universiti, di samping memberi bimbingan kepada anak-anak warga IKWAS yang masih di alam persekolahan untuk memahami peluang kerjaya yang berkaitan dengan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan di pasaran pekerjaan pada masa hadapan. Program ini juga berperanan sebagai platform motivasi bagi menggalakkan minat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi khususnya di UTHM.



Mesyuarat Kerjasama di antara Institut TRANSFORM, UTHM dan Pertubuhan Etika dan Kepimpinan Global (GEL) Negeri Johor

27 Jan 2026 - Satu mesyuarat kerjasama di antara TRANSFORM UTHM dan Pertubuhan Etika dan Kepimpinan Global (GEL) Negeri Johor telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM.

Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan peluang kerjasama strategik antara TRANSFORM, UTHM dan GEL Negeri Johor khususnya dalam aspek pembangunan kepimpinan, program komuniti serta pelaksanaan aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan institusi.

Di penghujung sesi mesyuarat, satu *Letter of Intent* (LoI) telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebagai langkah awal untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dan memperluas jaringan kolaborasi akademik serta penyelidikan antara UTHM dan GEL Negeri Johor pada masa hadapan.



Penyertaan Program Panrita (#12) di Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia

1-7 Feb 2026 - Seramai dua (2) orang wakil daripada TRANSFORM UTHM iaitu Pengarah TRANSFORM, UTHM Dr. Zahrul Akmal bin Damin dan Timbalan Pengarah TRANSFORM, UTHM Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail serta tiga (3) orang wakil daripada FPTP, UTHM telah menyertai program akademik PANRITA #12 anjuran Universitas Muhammadiyah Makassar (UNISMUH), Indonesia. Program ini berlangsung di UNISMUH, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.

Program PANRITA #12 merupakan program antarabangsa tahunan yang menumpukan kepada aktiviti pertukaran fakulti yang membolehkan ahli akademik daripada kedua-dua institusi terlibat dalam sesi pengajaran, bengkel, sesi perkongsian ilmu, pembangunan jaringan profesional, penyelidikan dan khidmat komuniti.

Sepanjang program, wakil daripada UTHM telah menyertai Majlis Pembukaan PANRITA #12 bersama Rektor UNISMUH iaitu Prof. Dr. Ir. Abdul Rakhim Nanda pada 2 Februari 2026, menyertai Program *International Community Engagement* dengan kerjasama UNISMUH dan UTHM pada 3 Februari 2026 dan terlibat dalam perbincangan akademik bersama Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), UNISMUH pada 4 Februari 2026. Program ini diteruskan dengan sesi "Bincang Kampus: *Toward Reputable International*" pada 6 Februari 2026 bagi membincangkan hala tuju universiti ke peringkat antarabangsa.



Lawatan Kunjung Hormat ke Pusat Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

12 Feb 2026 - TRANSFORM, UTHM telah mengadakan lawatan kunjung hormat ke Pusat Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Delegasi yang terdiri daripada lima orang wakil ini diketuai oleh Dr. Mimi Nahariah Azwani binti Mohamed, Felo Penyelidik, TRANSFORM, UTHM.

Delegasi UTHM telah disambut oleh Datin Wan Nurul Hidayu binti Wan Abdul Razak, Ketua Unit Pengurusan Acara, Promosi dan Korporat Pusat Sukan, UPSI. Antara perkara yang dibincangkan adalah isu-isu berkaitan tadbir urus penglibatan staf dalam aktiviti sukan di peringkat universiti.

Delegasi turut berpeluang mengadakan pertemuan bersama Pengarah Eksekutif Konsortium Universiti Pendidikan Asia-Pasifik (*Consortium of Asia-Pacific Education Universities - CAPEU*) iaitu Encik Sasigaran Moneyam. Pertemuan ini membuka ruang untuk membina jaringan kolaborasi serta meneroka potensi kerjasama strategik di peringkat serantau.



Penyertaan UNESCO Chair UTHM dalam Program Antarabangsa dan Lawatan Kerja ke Paris serta Amsterdam

10 Dis 2025 - UNESCO Chair on TVET Educators UTHM telah menyertai dua program antarabangsa penting di Ibu Pejabat UNESCO, Paris iaitu *World Futures Day: Anticipation in an Era of Volatility* dan *International Symposium on the Future of the Right to Education: Renewing Global Commitments and Charting Future Directions*. Penyertaan ini membolehkan delegasi UTHM menekankan peranan universiti dalam memajukan pemikiran masa hadapan (*futures thinking*), pendekatan antisipatori, serta menyokong pendidikan sebagai hak asasi manusia melalui perbincangan global mengenai cabaran masa hadapan, pembangunan dasar, dan strategi pendidikan yang inklusif serta berorientasikan masa hadapan.

Semasa lawatan ke Paris, delegasi UTHM yang diketuai oleh Prof. Emeritus Dr. Jailani Md Yunos, UNESCO Chairholder on TVET Educators, bersama Encik Ahmad Khirul Nizam bin Ali, Penyelaras II UNESCO Chair UTHM, turut mengadakan pertemuan dengan beberapa pemegang UNESCO Chair antarabangsa, termasuk Prof. Colin de la Higuera (Nantes University), Prof. Alain Jaillet (CY Cergy Paris University), dan Prof. Elyas Jouini (University Paris Dauphine–PSL) yang diwakili oleh Ms. Aida Hamdi.

Selain itu, UNESCO Chair UTHM meneruskan lawatan kerja ke Vrije Universiteit Amsterdam, Belanda, bagi mengadakan perbincangan dengan Dr. Sylvia Van de Bunt (UNESCO Chair on Cross-Cultural Sustainability) dan Dr. Jaap Gordijn (UNESCO Chair of Decentralized Information Society Engineering) mengenai potensi kerjasama dalam penyelidikan, mobiliti pelajar melalui *Summer Camp* dan *Winter Camp*, siri perkongsian ilmu secara dalam talian, pembangunan program latihan, serta pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).



20 Dis 2025 - Program Pembangunan Kapasiti TVET untuk Republik Islam Iran, bernilai RM 440,000, diketuai oleh Assoc. Prof. Ts. Dr. Affero bin Ismail dan dibiayai oleh Korea *International Cooperation Agency* (KOICA). Ia dilaksanakan bersama UNESCO-UNEVOC *International Centre* dan Pejabat UNESCO Tehran.

Program enam hari ini berlangsung dari 15 hingga 20 Disember 2025 di Singapura dan Malaysia, termasuk Temasek Polytechnic, UTHM dan Putrajaya. Seramai 22 peserta menyertai, termasuk Timbalan Menteri, pegawai kanan kerajaan, dan pemimpin institusi TVET dari Iran.

Inisiatif ini bertujuan memperkukuh kepimpinan, tadbir urus, inovasi, dan kerjasama strategik dalam TVET. Kejayaannya menunjukkan kerjasama antarabangsa yang kukuh dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan strategik dalam pembangunan TVET global.

Program Pembangunan Kapasiti TVET bagi Republik Islam Iran



Kursi UNESCO dalam Pendidik TVET Memajukan Latihan Praktikal Solar untuk Jurutera Muda Masa Depan

28 Jan 2026 - Kursi UNESCO dalam Pendidik TVET, UTHM telah berjaya melaksanakan program latihan teknologi hijau yang berimpak tinggi untuk memperkukuh kemahiran sedia masa depan dalam kalangan pelajar muda.

Program yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), bertajuk “Menjembatani Jurang Kemahiran: Latihan Praktikal Solar untuk Jurutera Muda Masa Depan ke Arah Matlamat Karbon Bersih dan Komuniti Teknologi,” dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Kebangsaan Malaysia untuk UNESCO (MNCU). Program ini memberi tumpuan kepada memperkasakan pelajar universiti dan murid sekolah melalui kompetensi teknikal praktikal dalam tenaga solar, sejajar dengan agenda pembangunan lestari global dan aspirasi karbon sifar bersih, sambil menyokong keutamaan UNESCO dalam pembangunan lestari, pendidikan berkualiti, dan tindakan iklim.

Program ini diselaras dengan pakar oleh Ts. Dr. Syed Zahurul Islam, yang juga berperanan sebagai Penasihat UTHM IET *On Campus* dan Pakar Pengerusi UNESCO bagi TVET Hijau.



Program Master Teacher Trainer (MTT) bersama Tablet Academy United Kingdom40 Akademik UTHM Berjaya Menyelesaikan Latihan UNESCO Global Skills Academy (GSA)

28 Feb 2026 - UTHM telah menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memajukan kompetensi pengajaran berasaskan digital dan AI dengan kejayaan program *Master Teacher Trainer* (MTT) di bawah *UNESCO Global Skills Academy* (GSA). Hari terakhir latihan, yang diadakan di Pusat Pembelajaran Maya Kolaboratif (CVL), telah dilawati oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, menekankan komitmen kukuh institusi ini terhadap pemerksaan digital dan kerjasama antarabangsa.



Lawatan Penanda Aras dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam ke RMC, UTHM

28 Jan 2026 - YBhg. Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan, Pengarah RMC, UTHM dan seluruh warga kerja RMC hari ini telah menerima kunjungan delegasi dari Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI), UiTM Cawangan Selangor (UCS), Kampus Puncak Alam. Sesi perbincangan telah diadakan di Bilik Persidangan RMC, Aras 1, Bangunan Penyelidikan, UTHM.

Lawatan penanda aras tersebut yang diketuai oleh YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi), UiTM Cawangan Selangor telah disertai oleh enam (6) pegawai dan (5) lima staf. Lawatan bertujuan bagi melihat secara dekat tadbir urus dan amalan terbaik berkaitan proses pengurusan, pengoperasian penyelidikan, pengurusan kewangan penyelidikan dan pengurusan projek bersama pihak Industri dan komuniti di RMC, UTHM dan BPI, UCS.

Semoga kerjasama yang terjalin ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi dan diperkukuhkan lagi dengan sesi perkongsian seterusnya pada masa akan datang terutama dari aspek pengurusan geran penyelidikan Universiti.



Sesi Pemantauan Projek Dana NCTF di Taman Negara Johor Tanjung Piai

29 Jan 2026 - Sesi pemantauan projek di bawah Dana National Conservation Trust Fund for Natural Resources (NCTF), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah berlangsung pada 29 Januari 2026 (Khamis) bertempat di Taman Negara Johor Tanjung Piai, Pontian, Johor.

Seramai 18 orang wakil daripada Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Amanah dan Sekretariat NCTF telah hadir bagi menilai kemajuan pelaksanaan projek penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Nor Atiqah binti Norazlimi. Antara yang hadir ialah YBhg. Dato' Fakhru bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah PERHILITAN, dan YBrs. Puan Hatimah binti Hamid, Ketua Akauntan NRES.

Turut menyertai sesi ini ialah wakil-wakil daripada Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, Sarawak Forestry Corporation, NGO Ecnights serta kementerian Ekonomi, mencerminkan penglibatan pelbagai agensi dalam usaha pemuliharaan alam sekitar negara.

Sesi dimulakan dengan taklimat projek oleh ketua projek, diikuti kerja lapangan serta pemerhatian burung hijrah di kawasan kajian. Turut hadir ialah wakil RMC, UTHM iaitu Cik Nurul Huda dan Puan Rahmaton, serta pelajar pascasiswazah UTHM.

Sesi pemantauan ini bertujuan untuk memantau kemajuan penyelidikan serta memperkukuh komitmen bersama dalam menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti di Malaysia.



Sesi Perkongsian Ilmu RMC: Etika Penyelidikan



9 Feb 2026 - Sesi Perkongsian Ilmu RMC bertemakan Etika Penyelidikan telah berjaya dilaksanakan pada 9 Februari 2026 bertempat di *Big Stage*, Aras 2, PTTA, UTHM. Program anjuran RMC ini bertujuan meningkatkan kefahaman penyelidik berkaitan amalan etika, integriti serta tanggungjawab dalam pelaksanaan penyelidikan akademik.

Sesi ini menampilkan penceramah jemputan, Prof. Dr. Norhamidi bin Muhamad dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang merupakan Ketua Panel Kluster Teknologi Kejuruteraan bagi Permohonan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak tahun 2017. Beliau telah berkongsi pandangan, pengalaman serta garis panduan berkaitan kepentingan pemuatan etika penyelidikan, tadbir urus dana, integriti data dan cabaran semasa dalam pengurusan geran penyelidikan.

Majlis turut dihadiri oleh wakil RMC termasuk Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan serta para penyelidik UTHM daripada pelbagai fakulti. Perkongsian ini memberi manfaat yang signifikan dalam memperkukuh kesedaran serta profesionalisme warga penyelidik, selaras dengan aspirasi universiti untuk memartabatkan budaya penyelidikan yang beretika dan berimpak tinggi.

Pemantauan **FRGS-EC**



9 Feb 2026 - Sesi pemantauan telah dilaksanakan oleh Prof. Dr. Norhamidi bin Muhamad dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang merupakan Ketua Panel Kluster Teknologi Kejuruteraan bagi Permohonan Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak tahun 2017 sebagai pemantau.

Pemantauan ini bertujuan memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, menepati objektif penyelidikan serta memberi impak yang signifikan kepada pembangunan ilmu dan teknologi.

Tahniah **RMC UTHM!**

4 Mac 2026 - Tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas pencapaian cemerlang apabila menerima pengiktirafan 5 Bintang bagi Anugerah Good Governance Rating (GGR) Tahun 2025.

Majlis penyampaian Sijil Anugerah GGR tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Naib Canselor UTHM bersempena Majlis Amanat Naib Canselor 2026 yang berlangsung di *Big Stage*, Perpustakaan Tunku Tun Aminah pada 4 Mac 2026.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga RMC untuk terus mengekalkan kecemerlangan serta memperkukuh tadbir urus yang berkualiti pada masa akan datang.



Perbincangan Awal antara UTHM bersama WaterShed Monitoring, Canada.



4 Dis 2025 - Satu sesi perbincangan bersama Karine Mailhot-Sarrasin, Ketua Pegawai Komunikasi *WaterShed Monitoring*, telah berlangsung di Hotel Renaissance Kuala Lumpur bagi meneroka potensi kerjasama dalam pengurusan dan analisis data sumber air. *WaterShed Monitoring* yang menyediakan penyelesaian infrastruktur digital bagi pengurusan air mampan di Kanada dan Eropah turut memperkenalkan perisian ENKI yang memudahkan pengumpulan, penyusunan dan analisis data sumber air. Sesi ini diwakili oleh delegasi UTHM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Faridah Kormin bersama wakil ICRC dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Hasil perbincangan mencadangkan sesi teknikal lanjut secara dalam talian serta cadangan pembentukan kerjasama awal melalui *Letter of Intent* (LoI), selain UTHM menyatakan kesediaan membantu *WaterShed Monitoring* menembusi pasaran Malaysia.

Program Peningkatan Kemahiran Elektronik Belia B40 Melalui Pembangunan Model Kereta Kawalan Jauh

12 Dis 2025 -ICRC, UTHM telah menganjurkan Program Peningkatan Kemahiran Elektronik Belia B40 Melalui Pembangunan Model Kereta Kawalan Jauh pada 11 dan 12 Disember 2025 di Makmal Instrumentasi, UTHM Kampus Cawangan Pagoh. Program yang melibatkan 20 belia B40 sekitar daerah Muar ini bertujuan memberi pendedahan kepada teknologi elektronik asas melalui pembelajaran berasaskan amali seperti pemasangan, pengujian dan penyelesaian masalah komponen elektronik dalam pembangunan model kereta kawalan jauh. Program ini dikendalikan oleh Dr. Fahmiruddin bin Esa dan Prof. Madya Dr. Huda bin Majid serta turut menekankan pembangunan minat belia dalam bidang inovasi teknologi dan keusahawanan, sekali gus menyokong usaha universiti memperkasa komuniti melalui pemindahan ilmu dan kemahiran teknikal yang berimpak tinggi.



ICRC UTHM & PTNJ Perkukuh Kerjasama Projek *Ecohydro*



29 Dis 2025 -ICRC, UTHM telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi pembentangan laporan kemajuan bersama Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) pada 29 Disember 2025 bagi membincangkan pelaksanaan projek *Ecohydro System* di *Nature Education and Research Centre* (NERC), Endau-Rompin (Peta). Sesi ini turut menumpukan kepada pembangunan inisiatif *Living Lab* berasaskan pemuliharaan alam sekitar, penyelidikangunaan dan pendidikan komuniti, di samping meneroka potensi kerjasama jangka panjang antara UTHM dan PTNJ untuk memperluaskan pelaksanaan projek ke kawasan lain di bawah seliaan PTNJ pada masa hadapan.

Sidang Akademia Penyelidikan MTUN Perkasa Kolaborasi Akademia-Industri, Sokong Ekonomi Negara Berpacuan Inovasi

11 Feb 2026 - Sidang Akademia Penyelidikan *Malaysian Technical University Network* (MTUN) bersama Industri 2026 yang berlangsung di Putrajaya menjadi platform penting dalam memperkukuh kerjasama strategik antara universiti teknikal dan industri. Program anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama MTUN itu telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir dan menyaksikan pertukaran 27 dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). UTHM terlibat dalam pertukaran dokumen bersama sembilan rakan industri



serta menerima sumbangan endowmen industri berjumlah RM50,000 daripada Prihoda Malaysia Sdn. Bhd. dan Mylawang Group Sdn. Bhd., sebagai sokongan kepada agenda pembangunan pendidikan dan penyelidikan universiti. Menteri Pendidikan Tinggi turut menegaskan kepentingan universiti teknikal dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang bersedia menghadapi perubahan pesat ekonomi global, khususnya dalam bidang teknologi maju, automasi dan sistem digital.

Kunjungan daripada Pihak Rail SB Sdn. Bhd.

10 Mac 2026 - ICRC, UTHM telah menerima kunjungan daripada Rail SB Sdn. Bhd. bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara universiti dan industri. Dalam sesi tersebut, kedua-dua pihak turut menandatangani *Letter of Intent* (LoI) sebagai langkah awal ke arah pembangunan *Teaching Factory* di UTHM Kampus Pagoh yang bertujuan menyediakan persekitaran pembelajaran berasaskan industri serta memberi pendedahan langsung kepada pelajar terhadap teknologi dan operasi sebenar industri. Kerjasama ini diharap dapat memperkukuh hubungan universiti-industri serta menyokong pembangunan bakat berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri semasa.



Kunjungan ke Pusat Industri UTHM SENA Sdn. Bhd.



11 Mac 2026 - ICRC, UTHM telah mengadakan kunjungan ke Pusat Industri UTHM SENA Sdn. Bhd. di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara universiti dan industri. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada beberapa fokus KPI Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) seperti pemerkasaan MoU/MoA, peluang pensijilan profesional, geran kolaboratif, program CSR serta sangkutan industri, sekali gus memperkukuh ekosistem kolaborasi universiti-industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Perikatan Industri–Pendidikan TVET China–Malaysia (CMTIEA)

19 Dis 2025 - UTHM menjadi salah satu institusi pengajian tinggi Malaysia yang terlibat dalam Perikatan Industri–Pendidikan TVET China–Malaysia atau China–Malaysia TVET *Industry–Education Alliance* (CMTIEA) yang telah dilancarkan secara rasmi di Liuzhou, China.

Penubuhan perikatan ini menandakan satu pencapaian penting dalam kerjasama dua hala Malaysia–China dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Persidangan sulung perikatan tersebut telah berlangsung di Lotus Villa Hotel dan Liuzhou *Railway Vocational & Technical College* (LVRTC), serta dirasmikan oleh Timbalan Datuk Bandar Kerajaan Perbandaran Liuzhou, Hu Lan.

Program itu menghimpunkan wakil kerajaan, universiti, institusi TVET dan rakan industri dari China dan Malaysia bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam pembangunan pendidikan vokasional dan industri. Berteraskan prinsip perkongsian sumber, inovasi kolaboratif, integrasi industri–pendidikan dan manfaat bersama, perikatan itu memberi tumpuan kepada bidang kerjasama utama antara China dan Malaysia.

Antara bidang yang diberi keutamaan ialah pengangkutan rel, tenaga baharu dan pembuatan pintar, kecerdasan buatan (AI), serta pertanian moden, melalui tiga pendekatan utama iaitu pembangunan bakat secara bersama, pembinaan standard bersama dan penyelidikan serta pembangunan (R&D) kolaboratif. Perikatan itu bertujuan membangunkan ekosistem integrasi industri–pendidikan bertaraf antarabangsa yang mampan.

UTHM menyertai perikatan itu bersama beberapa institusi Malaysia lain termasuk Malaysia *Rail Development Corporation* (MRDC), Majlis TVET Negara (MTVET), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti College of Yayasan Pahang (UCYP), Pahang *Skills Development Centre* (PSDC), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dan Kolej Komuniti Masjid Tanah.

Penglibatan UTHM dalam CMTIEA diselaras melalui *Industrial Centre of Excellence for Railway* (ICoE-Rail UTHM) yang memainkan peranan penting dalam penglibatan industri, pembangunan bakat rel, latihan profesional dan kerjasama antarabangsa. Melalui ICoE-Rail, UTHM menyokong pelbagai inisiatif pembinaan kapasiti, latihan kemahiran rel serta penyelidikan gunaan yang sejajar dengan keperluan projek rel di peringkat nasional dan antarabangsa.



Lawatan Kerja Russian *University of Transport (RUT)*

4 Feb 2026 - Delegasi Universiti Pengangkutan Rusia (RUT) telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Penyelidikan Tanah Lemput (RECESS), I²E UTHM. Delegasi ini disambut dengan mesra oleh Penyelidik Utama (PR), Prof. Ts. Dr. Norshuhaila binti Mohamed Sunar, bersama-sama dengan ahli-ahli pasukan penyelidikan RECESS.

Semasa lawatan itu, delegasi RUT diperkenalkan dengan aktiviti penyelidikan RECESS yang menumpukan kepada mikroalga, termasuk aplikasinya dalam kelestarian alam sekitar, tenaga boleh diperbaharui, rawatan air sisa, dan pembangunan teknologi hijau. Pasukan RECESS juga berkongsi pencapaian penyelidikan cemerlang mereka, yang merangkumi pelbagai anugerah dan pingat peringkat nasional dan antarabangsa, serta sokongan kukuh melalui geran penyelidikan yang dibiayai oleh industri. Diharapkan bahawa perkongsian ini akan terus mengukuhkan rangkaian akademik antarabangsa dan menyumbang kepada kemajuan saintifik dan teknologi yang mampan.



Majlis Perasmian Bangunan Pusat Penyelidikan Penyelidikan

29 Dis 2025 | UTHM merasmikan satu lagi bangunannya iaitu Pusat Penyelidikan sebagai satu usaha memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi universiti. Perasmian ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Bangunan empat aras yang direka dengan konsep moden dan unik, merangkumi ruang pejabat, makmal penyelidikan, ruang penyelidikan serta inkubator yang luas dan kondusif menjadikan bangunan ini sebagai mercu tanda kemampanan penyelidikan dan inovasi UTHM, selain menjadi tumpuan warga universiti dan pelawat luar.

Bangunan ini menempatkan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) dan Pusat Teknousahawan Universiti (PTU). Selain itu, bangunan ini turut menempatkan Pusat Pengajian Siswazah (CGS) dan Johor Business School (JBS).

Turut hadir dalam majlis ini, YBhg. Prof. Dr. Mas Fawzi Mohd Ali, Naib Canselor UTHM; Timbalan-timbalan Naib Canselor; Tuan Haji Naim Maslan, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi; Encik Ismail Haron, Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan; Puan Norliah Yaakub, Penasihat Undang-Undang; Pegawai-pegawai universiti dan rakan strategik industri.

Turut berlangsung, lawatan ke reruai pameran Pusat Kecemerlangan (CoE) dan UTHM Commercial Lab (UCL) di bawah Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E), pameran syarikat pelajar di bawah seliaan Pusat Teknousahawan Universiti (PTU), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Johor Business School (JBS).

Perasmian bangunan ini diharap dapat memperkasa budaya penyelidikan dalam kalangan warga universiti serta meningkatkan keupayaan UTHM untuk bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa. UTHM akan terus komited dalam melahirkan penyelidikan berkualiti, relevan dan berteraskan keperluan semasa demi pembangunan mampan dan kesejahteraan sejagat.



4 Mac 2026 - Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga kerja Institut Kejuruteraan Integrasi yang telah berusaha dan komited sepanjang tahun 2025 sehingga berjaya memperoleh penarafan 5 Bintang bagi Anugerah Good Governance Rating (GGR) 2025.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali, Naib Canselor UTHM sempena Majlis Amanat Naib Canselor UTHM Tahun 2026 bertempat di Big Stage, Aras 2, Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM kampus induk.

Terima kasih diucapkan kepada seluruh warga kerja Institut Kejuruteraan Integrasi dan semoga I²E terus maju dan cemerlang pada masa akan datang.

Penganugerahan Good Governance Rating (GGR)



Townhall Kuda Kepang Negeri Johor 2025

1 Dis 2025 - *Townhall* kuda kepang Negeri Johor telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat anjuran bersama Jabatan Mufti Johor (JMJ) bersama iSWAJ UTHM. Garis panduan berkenaan yang disusun selepas kajian hampir dua tahun oleh JMJ bersama penyelidik daripada iSWAJ UTHM, sebelum hasil kajian berkenaan kemudiannya dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor untuk diperhalusi. Inisiatif Kerajaan Johor itu diambil bagi membendung sebarang bentuk amalan yang bertentangan dengan syariat Islam seperti unsur menyeru makhluk halus, penyediaan 'sajen' atau sajian tertentu serta ritual yang boleh membawa kepada keadaan kerasukan seseorang individu sehingga menyebabkannya menjadi mabuk atau khayal. Walaupun permainan Kuda Kepang sudah difatwakan haram oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sejak tahun 2009 dan kemudiannya diperkukuh lagi pada 2024, namun garis panduan baharu ini diwujudkan untuk memastikan warisan masyarakat Jawa itu tidak pupus tetapi ia perlu dipersembahkan tanpa mengandungi sebarang unsur khurafat yang bertentangan dengan hukum syarak. Terdahulu, SS YB Dato' Haji Yahya Ahmad, Mufti Negeri Johor; YBhg. Tuan Mohd Farid Kassim, Pegawai Daerah Batu Pahat dan SS YB Dato' Haji Ahmad Faisal Mohamed, Timbalan Mufti Negeri Johor hadir ke *Townhall*.



10 Dis 2025 - Pameran Halal Festkon UTHM 2025 telah diadakan pada 5 hingga 10 Disember 2025 bertempat di UTHM dan merupakan anjuran Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) dengan kerjasama rakan strategik industri halal. Program ini bertujuan memberi pendedahan berkaitan industri halal merangkumi produk, perkhidmatan serta kepentingan pensijilan dan pematuhan syariah.

Sepanjang pameran, pelbagai aktiviti seperti reruai usahawan, perkongsian ilmu dan promosi agensi halal telah dilaksanakan. Selain itu, iSWAJ turut mempromosikan program akademik, latihan profesional serta kursus-kursus halal yang ditawarkan, di samping mewar-warkan UTHM sebagai Penyedia Latihan Halal (PLH) yang diiktiraf oleh JAKIM bagi memperkukuh peranan universiti sebagai pusat rujukan latihan dan pembangunan kompetensi halal.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya meningkatkan kesedaran halal dalam kalangan pelajar, staf dan komuniti setempat

Pameran Halal Festkon UTHM 2025



Perbincangan bersama YB Dato Nooh Gadut berkaitan Pembangunan Kompleks iSWAJ

12 Dis 2025 - Perbincangan bersama YB Dato Nooh Gadut berkaitan pembangunan Kompleks iSWAJ telah diadakan di Pejabatnya di Pusat Islam Iskandar Johor bersama dengan Haji Azlan Abdullah (Ketua Penolong Pengarah Zakat Baitulmal & Wakaf).



Knowledge Transfer Program (KTP) TVET di Sekolah Kebangsaan LKTP Ayer Hitam

12 Feb 2026 - Knowledge Transfer Program (KTP) TVET di Sekolah Kebangsaan LKTP Ayer Hitam merupakan inisiatif bersama iSWAJ UTHM bersama Sekolah Kebangsaan LKTP Ayer Hitam bagi memperkenalkan konsep Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada murid sekolah rendah melalui pendekatan ilmu, kemahiran dan nilai Islam. Slot seperti kenali tanah, kenali bahan kimia dalam makanan dan bagaimana menjaga keselamatan telah diadakan bagi menarik murid dalam bidang TVET. Surat hasrat (LoI) juga telah dimeterai antara UTHM dan PIBG SK LKTP Ayer Hitam.



Latihan Persijilan Halal Antarabangsa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

26 Feb 2026 - Tenaga Pengajar Halal UTHM yang terdiri daripada Dr. Muhammad Suhaimi Sulong; Ketua Jabatan Latihan & Kepimpinan Islam iSWAJ, Dr. Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari; Ketua Jabatan Ekonomi & Halal iSWAJ, Dr. Nur Zainatul Nadra Zainol; Ketua Jabatan Penyelidikan & Penerbitan serta Dr. Mustapahayuddin Abdul Khalim telah mengikuti Kursus latihan persijilan halal antarabangsa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan di Zetrix Tower, Empire City, Petaling Jaya bagi mendapatkan pengetahuan berkaitan persijilan halal antarabangsa. Di antara kandungan latihan ialah Pengenalan Pensijilan Halal di Malaysia, Piawaian dan Keperluan Halal bagi Pemohon Antarabangsa, Sistem Jaminan Halal, Proses Permohonan Pensijilan Halal Antarabangsa JAKIM, Audit Halal, Pemeriksaan dan Pematuhan. Kursus ini merupakan persediaan kepada TPH UTHM untuk meneroka latihan dan perundingan halal antarabangsa.



Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Persatuan Kebajikan Guru-Guru Al-Quran Negeri Johor



26 Feb 2026 - Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran telah berlangsung dengan jayanya di Masjid Sultan Ibrahim UTHM. Majlis yang bermula seawal jam 8.30 pagi ini dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Guru-Guru Al-Quran Negeri Johor dengan kerjasama Pusat Islam Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), UTHM. Majlis ini telah disempurnakan oleh Sohibil Fadhilah Tuan Haji Suhaimi bin Rebu, Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Johor. Turut sama hadir ke majlis ini ialah Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli, Dr. Muhammad Suhaimi bin Sulong, Ketua Jabatan Latihan dan Kepimpinan Islam iSWAJ, UTHM dan Ustaz Muhammad Isa bin Salikin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam merangkap Imam Masjid Sultan Ibrahim, UTHM. Majlis ini menghimpunkan kira-kira 300 orang peserta melibatkan guru-guru Al-Quran dari setiap daerah di negeri Johor, staf UTHM dan juga pelajar alumni Program Eksekutif Imam Profesional.

Mesyuarat Jawatankuasa Komersialisasi & Keusahawanan UTHM Bil. 1/2025

10 Dis 2025 - ICC, UTHM telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Komersialisasi & Keusahawanan Bil. 1/2025 pada 10 Disember 2025 bertempat di Inkubator ICC, Aras 2, Blok F6 Pusat Penyelidikan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Md. Jais Haji Sarday ini memberi tumpuan kepada perkembangan semasa berkaitan inovasi, pengkomersialan dan agenda keusahawanan universiti. Pelbagai laporan, maklumat terkini serta perkara berbangkit telah dibentangkan dan dibincangkan bagi menyokong hala tuju strategik UTHM.

Perbincangan turut menekankan peranan Jawatankuasa Komersialisasi & Keusahawanan dalam mengenal pasti potensi produk penyelidikan untuk dipasarkan, merancang aktiviti pemindahan teknologi, memantapkan kolaborasi industri serta memperkukuh pembangunan keusahawanan berasaskan inovasi dalam kalangan warga universiti.

ICC merakamkan penghargaan kepada pengerusi dan semua ahli jawatankuasa atas komitmen serta sokongan dalam memperkasa agenda inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan di UTHM.



29 Dis 2025 - UTHM telah merasmikan Bangunan Pusat Penyelidikan di kampus induknya yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman. Bangunan moden empat aras ini berfungsi sebagai mercu tanda kemampanan inovasi yang menempatkan pelbagai pusat strategik seperti RMC, ICC, I²E, PTU, Pusat Pengajian Siswazah (CGS), dan Johor Business School (JBS). Majlis yang turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi universiti dan rakan industri ini bertujuan memperkukuh ekosistem penyelidikan serta meningkatkan keupayaan UTHM untuk bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.

Perasmian Bangunan Pusat Penyelidikan



Sesi Penilaian Akhir Anugerah Harta Intelek Negara 2026 (AHIN 2026)

12 Feb 2026 - UTHM meneruskan penglibatan dalam Sesi Penilaian Akhir Anugerah Harta Intelek Negara 2026 (AHIN 2026) yang berlangsung pada 10 dan 12 Februari 2026 bertempat di Menara MyIPO, Petaling Jaya.

Lima penyelidik UTHM telah terpilih untuk membentangkan produk penyelidikan masing-masing bagi kategori berikut:

Kategori: Nadi Kreatif (Hak Cipta)

1. Ts. Inv. Dr. Rafizah Binti Mohd Hanifa Produk:
- *A Learning Aid for Year 1 Mathematic (Hearing Impaired Students)*

Kategori: Juara Jenama (Cap Dagangan)

1. Prof. Madya Ts. Dr. Noor Akhmazillah Binti Mohd Fauzi Produk:
- THE BABYLAENA

Kategori Inoreka (Reka Bentuk Perindustrian):

1. Prof. Madya Ts. Dr. Suhaimi Bin Hassan
- *Twist Lock Drill (TwiloD)*.
2. Ts. Muhammad Shukri Bin Ahmad
- ISOBOT Platform Pembelajaran Robotik Modular.

Kategori Wira Inovatif (Paten):

1. Prof. Madya Ts. Dr. Suliadi Firdaus Bin Sufahani
- *A System for School Menu Planning Programme*.

Penyertaan ini mencerminkan kualiti penyelidikan dan inovasi warga universiti yang sentiasa relevan dengan keperluan masyarakat dan industri.



Sesi Penganugerahan Good Governance Rating 2025

4 Mac 2026 - Satu pencapaian yang sangat bermakna buat kami di ICC apabila dianugerahkan penarafan 6 Bintang dalam Good Governance Rating (GGR) baru-baru ini.

Kejayaan ini adalah hasil kerja keras, kesabaran, dan kerjasama setiap individu dalam pasukan. Kami sedar masih banyak ruang untuk diperbaiki, namun pengiktirafan ini menjadi penyuntik semangat untuk kami terus belajar dan berbakti dengan lebih baik lagi.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan UTHM serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyokong perjalanan kami. Tanpa bimbingan dan kepercayaan anda semua, pencapaian ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Terima kasih atas doa dan sokongan semua. Jom terus melangkah bersama!



Majlis Anugerah MAPIM-KPT Ke-16

9 Dis 2025 – Majlis Anugerah MAPIM-KPT Ke-16 telah berlangsung bertempat di Dewan Za'aba, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan perasmianya oleh YBrs. Prof. Dr. Zainal Amin Ayub, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Penyelidikan).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, FASc (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman (Pengarah Penerbit) serta Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan (Ketua Jabatan Penerbitan).

Pada majlis berprestij ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima Anugerah Pereka MAPIM Terbaik (Penghargaan) yang dirangkul oleh Cik Yuniza binti Asri, Pembantu Pereka Kanan. Kejayaan ini mencerminkan komitmen dan kecemerlangan UTHM dalam bidang penerbitan ilmiah.

Selain itu, MAPIM turut menyampaikan Anugerah Sanjungan Budi sebagai penghargaan kepada mantan Pengarah Penerbit UTHM, Prof. Madya Dr. Akmal Nizam bin Mohammed, atas sumbangan dan jasa beliau dalam memperkasa penerbitan ilmiah negara.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua calon dan pemenang yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memperkukuh kesinambungan budaya ilmu.



Jualan Cenderamat & Buku UTHM sempena Istiadat Konvokesyen UTHM ke-25

9 Dis 2025 – Tahniah kepada semua graduan, anda kini bergelar Alumni UTHM!! Terus terbang tinggi Sempena Istiadat Konvokesyen UTHM ke-25, Penerbit UTHM mengadakan promosi istimewa set cenderamata dan buku UTHM. Pelbagai pilihan set kombo pada harga serendah RM5. Jangan lepaskan peluang kunjungi reruai kami di ruang legar PTTA berhadapan Dewan Sultan Ibrahim.



Kursus *Book Indexing and Publication Management*

21 Dis 2025 - Suatu kursus *Book Indexing and Publication Management* anjuran Pusat Kepimpinan dan Kompetensi dengan kerjasama Pejabat Penerbit UTHM telah berlangsung pada 19 hingga 21 Disember 2025 di Hotel Dorsett Putrajaya. Program ini melibatkan 40 peserta daripada universiti awam dan agensi kerajaan.

Kursus ini menampilkan penceramah berpengalaman dari institusi pengajian tinggi dan kementerian yang berkongsi kepakaran dalam penerbitan ilmiah. Penganjuran kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan buku, memahami strategi pengindeksan serta menguasai teknik pemasaran dan promosi.

Secara keseluruhannya, kursus ini berjaya memperkukuh keupayaan peserta dalam meningkatkan kualiti penerbitan ilmiah di institusi masing-masing.



25 Peserta Sertai Bengkel Pengurusan Prosiding Bagi Pengindeksan Mycite

21 Feb 2026 – Satu bengkel Pengurusan *Prosiding* bagi Pengindeksan MyCite telah diadakan pada 20 Februari 2025 dalam usaha memberi pendedahan awal kepada semua Ketua Editor Prosiding berkenaan pengindeksan prosiding masing-masing dalam pangkalan data MyCite.

Setakat ini, terdapat 13 prosiding dalam talian yang aktif dan telah mencapai satu tempoh yang matang untuk diindekskan dalam MyCite.

MyCite adalah sistem yang diwujudkan bagi mendaftar dan menilai semua penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia menggunakan indikator bibliometrik yang diuruskan oleh Pusat Sitasi Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi.

Bengkel anjuran Unit Jurnal, Prosiding dan Pengindeksan, Pejabat Penerbit UTHM itu disertai kira-kira 25 peserta dan diharapkan dapat memberikan info awal sebagai persediaan sebelum permohonan pengindeksan berkenaan dibuka sekitar pertengahan tahun ini.



Pengiktirafan 5 bintang *Good Governance Rating (GGR) 2025*

4 Mac 2026 – Tahniah buat seluruh warga Penerbit UTHM! Satu pencapaian yang amat bermakna dan menjadi permulaan yang cemerlang bagi tahun 2026. Sesi penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Mas Fawzi Mohd Ali, Naib Canselor UTHM, sempena Majlis Amanat Naib Canselor 2026.

Pengiktirafan ini pastinya menjadi pemangkin semangat kepada keluarga Penerbit UTHM untuk terus melakar kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.



Katalog

2026

Sila imbas kod
untuk katalog 2026



Terbitan terkini 2026

